

# Jenazah Ali Hamsa selamat dikebumi

PM hadir beri penghormatan terakhir kepada bekas KSN

**Putrajaya:** Jenazah bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN) ke-13, Allahyarham Tan Sri Dr Ali Hamsa, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Presint 20 di sini, petang semalam.

Lebih 500 jemaah menyertai solat jenazah yang diadakan selepas solat Zohor yang diimamkan Imam Besar, Nor Azamir Alias, di Dewan Solat Utama Masjid Tuan-ku Mizan Zainal Abidin.

Terdahulu, suasana sayu menyelubungi Dewan Sheikh Daud Al-Fathonhi masjid itu apabila ahli keluarga, penjawat awam, anggota pentadbiran serta kenalan, hadir memberi penghormatan terakhir kepada jenazah Allahyarham.

Antara kenamaan yang hadir memberikan penghormatan terakhir di situ termasuklah Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk



Ismail Sabri menziarahi jenazah Ali Hamsa (gambar kecil) di kediamannya di Presint 10, semalam. (Foto BERNAMA)

Seri Fadillah Yusof; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan bekas menteri Kabinet.

Yang turut hadir Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani; Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Mohammad Mentek dan bekas Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk

Omar Osman.

Ketika ditemui, Khairy berkata, beliau banyak belajar mengenai pentadbiran negara daripada Allahyarham yang disifatkannya sebagai antara KSN terbaik yang ada di negara ini.

“Saya secara peribadi rapat dengan Allahyarham. Saya dilantik sebagai menteri ketika berusia 33 tahun dan saya tiada apa-apa pengalaman dalam pentadbiran kerajaan ketika itu.

“Banyak perkara saya belajar daripada Allahyarham, Tan Sri seorang pemurah dan banyak beri nasihat serta bimbingan kepada saya,” katanya.

Beliau berkata, antara nasihat Allahyarham yang paling diingati ialah sebagai pemimpin perlu menunjukkan kepemimpinan untuk menguruskan organisasi dengan sumber manusia sedia ada.

Omar pula menyifatkan Allah-

yarham sangat mementingkan kebajikan penjawat awam dan permergiannya amat dirasai.

“Apa sahaja rundingan dengan CUEPACS, Allahyarham akan cuba hadir dan tidak pernah tolak...moga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang beriman,” katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, meluangkan masa kira-kira setengah jam, hadir penghormatan terakhir dan bertanya khabar ahli keluarga Allahyarham di kediaman peribadi bekas KSN itu dekat Presint 10.

Turut menziarahi jenazah di kediaman itu antaranya Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional, Datuk Seri Mohd Sallehuddin Hassan.

Ali, 66, yang berkhidmat sebagai KSN selama enam tahun dari 2012 hingga 2018, meninggal dunia di Hospital Dublin, Ireland pada 21 April lalu.

Penerbangan membawa jenazahnya tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur jam 6.30 pagi semalam sebelum dibawa pulang ke rumah kira-kira pukul 8.26 pagi. BERNAMA